

PANDANGAN SYARAK BERKAITAN PEMALSUAN SIJIL VAKSIN

SHARIAH PERSPECTIVE ON VACCINE CERTIFICATE FORGERY

Mohd Khazri Osman*
Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),
43600 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

**Corresponding Author's Email: khazri@ukm.edu.my*

Article History:

Received : 19 March 2025

Accepted : 10 April 2025

Published : 26 June 2025

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Osman, M. K. (2025). Pandangan Syarak Berkaitan Pemalsuan Sijil Vaksin. *Jurnal 'Ulwan*, 10(1), 157-162.

ABSTRAK

Malaysia digemparkan dengan peningkatan kes penipuan sijil vaksinasi palsu. Kegiatan tersebut terbongkar susulan serbuan pegawai dan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) yang menyebabkan seorang doktor klinik swasta berusia 51 tahun ditahan oleh pihak berkuasa pada 8 Januari 2022. Suspek dipercayai melakukan perbuatan itu sejak September 2021 selepas klinik berkenaan mendapat kebenaran mengendalikan suntikan vaksinasi secara berbayar. Dalam tempoh berkenaan, lebih 1900 sijil vaksinasi COVID-19 dengan kadar bayaran antara RM400 hingga RM600 dijual secara dalam talian. Majlis Perubatan Malaysia (MMA) menegaskan, pihaknya tidak membenarkan aktiviti sedemikian kerana boleh memusnahkan integriti profesion perubatan, lebih-lebih lagi jika menyebabkan kemudaratan kepada kesihatan awam. Kes pemalsuan sijil vaksin masih belum ada yang dikesan berlaku di Negeri Sembilan. Oleh itu Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan boleh membuat ketetapan bagi menjelaskan hukum berkaitan kepada masyarakat agar jenayah ini dapat dibendung menerusi fatwa.

Kata kunci: syarak, pemalsuan, sijil, vaksin

ABSTRACT

The rise in cases of fake vaccination certificate fraud shook Malaysia. This activity was exposed following a raid by officers and members of the Commercial Crime Investigation Department (JSJK), which led to the arrest of a 51-year-old private

clinic doctor by authorities on January 8, 2022. The suspect was believed to have been engaging in this act since September 2021, after the clinic was authorized to administer paid vaccination services. Over 1,900 COVID-19 vaccination certificates were sold online for a fee ranging between RM400 and RM600. The Malaysian Medical Association (MMA) has firmly stated that such activities are strictly prohibited, as they undermine the integrity of the medical profession, particularly when they pose risks to public health. So far, no cases of vaccine certificate forgery have been detected in Negeri Sembilan. Therefore, the Negeri Sembilan Fatwa Committee may issue a ruling to clarify the Islamic legal perspective on this matter for the public, ensuring that this crime can be curbed through the issuance of a fatwa.

Keywords: Shariah, forgery, certificate, vaccine

1.0 PENGENALAN

Vaksin ialah produk yang dihasilkan daripada sebahagian atau keseluruhan struktur virus atau bakteria. Vaksin berfungsi merangsang sistem imun tubuh membentuk imuniti terhadap jangkitan penyakit khusus. Vaksin COVID-19 diberikan untuk mengawal penularan penyakit COVID-19. Apabila semakin ramai orang mendapat vaksinasi, semakin ramai penduduk membentuk antibodi dan seterusnya mengurangkan kebarangkalian berlaku komplikasi penyakit COVID-19 yang lebih teruk. Cara begini boleh melindungi golongan yang berisiko yang tidak layak menerima vaksinasi. Majlis Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam yang bersidang pada 3 Disember 2020 mengambil ketetapan bahawa hukum penggunaan vaksin COVID-19 adalah harus dan wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan oleh kerajaan (Kementerian Kesihatan Malaysia 2021).

Sepanjang pandemik COVID-19, salah satu usaha yang kritikal bagi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ialah pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). Program ini telah mendapat sambutan yang positif. KKM sentiasa mengukuhkan strategi-strategi untuk memastikan agar rakyat Malaysia mendapat akses kepada vaksin COVID-19 yang selamat dan berkesan. Namun usaha ini diganggu oleh sikap segelintir rakyat Malaysia yang bersikap antivaksin dan menyebarkan maklumat yang kurang tepat tentang vaksin. Mereka yang menolak vaksinasi lebih cenderung kepada pendapat yang mengharamkan vaksinasi. Hal ini demikian kerana terdapat dakwaan bahawa penggunaan vaksin boleh memudaratkan dan menyebabkan kesan sampingan negatif, rentetan daripada pelbagai bahan kimia asing yang masuk ke dalam badan.

Data yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan pengambilan vaksin mampu mengekang jangkitan COVID-19. Mereka yang enggan menerima vaksin, terutamanya golongan antivaksin mendedahkan diri kepada risiko besar dan berbahaya. Hal ini disebabkan virus memerlukan manusia untuk dijangkiti supaya virus dapat membiak. Semakin ramai kelompok manusia yang lemah dan terdedah kepada jangkitan, lebih mudah untuk virus bermutasi. Golongan ini juga didapati tidak begitu gerun dengan apa jua virus, dan tidak berminat untuk

mengambil sebarang jenis vaksin. Lebih membimbangkan lagi mereka tidak serius mengambil langkah berjaga-jaga pula, kerana tidak percaya akan bahaya virus COVID-19 itu sendiri. Memang benar, tiada kesalahan dalam peruntukan Akta 342 akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 bagi individu yang tidak mahu mengambil suntikan vaksin COVID-19. Vaksin wajar diambil secara sukarela oleh rakyat Malaysia atas kesedaran dan tanggungjawab kepada diri, keluarga dan masyarakat (Iman Ramli 2021).

Kendatipun sambutan daripada masyarakat terhadap vaksin wajar diberikan pujian, kemunculan golongan yang enggan menerima vaksin tidak boleh dipandang remeh. Tambahan pula sikap anti vaksin ini dikatakan telah menyebabkan berlakunya jenayah pemalsuan sijil vaksinasi. Ada juga segelintir ahli masyarakat yang tidak melihat pemalsuan sijil ini sebagai sesuatu yang salah dari perspektif syarak dengan pelbagai alasan yang sengaja direka. Oleh itu perbincangan berikut mengupas secara tuntas pandangan syarak terhadap pemalsuan sijil vaksinasi.

2.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dari segi bahasa, bohong bermaksud cerita, keadaan dan sebagainya yang berlainan daripada yang sebenarnya. Antara kata lain yang sinonim dengan bohong ialah dusta, karut dan palsu. Kata lawan bagi bohong ialah benar dan jujur. Dalam bahasa Arab, bohong disebut *kizb* manakala jujur atau benar disebut *sidq*. Dari segi istilah, bohong ialah pemberitahuan tentang sesuatu perkara yang menyalahi sebenar sama ada perbuatan ini dilakukan sengaja atau tidak sengaja. Menurut Imam Nawawi (1994), pula, berbohong ialah perbuatan memberitahu sesuatu perkara yang berbeza dengan realiti sebenar, sama ada yang secara sengaja ataupun tidak sengaja, hal perkara yang telah berlaku atau belum berlaku.

Orang Islam sepatutnya melazimkan diri dengan sifat jujur dalam semua kata-kata dan perbuatannya tidak kira dalam apa jua situasi. Firman Allah SWT dalam surah al-Tawbah (9:119):

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ

Maksudnya: “Wahai orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan lazimilah orang yang jujur.”

Ibn Kathir (1998) berpendapat, ayat ini secara jelas menyuruh manusia mengamalkan kejujuran dalam semua tingkah laku dan kata-kata tanpa mengira apa jua situasi. Dengan mengamalkan kejujuran manusia akan terselamat daripada perkara yang merosakkan kehidupannya. Allah SWT pula memberikan jalan keluar daripada masalah yang dihadapi.

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Mas'ud, Rasulullah SAW bersabda:

عَلَيْكُمْ بِالصِّدْقِ ، فَإِنَّ الصِّدْقَ يَهْدِي إِلَى الْبِرِّ ، وَإِنَّ الْبِرَّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ ،
وَمَا يَزَالُ الرَّجُلُ يَصْدُقُ وَيَتَحَرَّى الصِّدْقَ حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ صِدِّيقًا ، وَإِيَّاكُمْ
وَالْكَذِبَ ، فَإِنَّ الْكَذِبَ يَهْدِي إِلَى الْفُجُورِ ، وَإِنَّ الْفُجُورَ يَهْدِي إِلَى النَّارِ ،
وَمَا يَزَالُ الرَّجُلُ يَكْذِبُ وَيَتَحَرَّى الْكَذِبَ حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ كَذَّابًا

Maksudnya: "Hendaklah kamu bersikap jujur. Sesungguhnya sikap jujur membawa kebaikan dan kebaikan pula membawa ke syurga. Orang yang mengamalkan sikap jujur dan bersungguh-sungguh melakukannya dia akan diiktiraf di sisi Allah SWT sebagai orang yang jujur. Hindarilah perbuatan berdusta kerana perbuatan berdusta membawa kejahatan dan kejahatan pula membawa ke neraka. Orang yang mengamalkan pendustaan dan bersungguh-sungguh melakukannya dia akan diiktiraf di sisi Allah SWT sebagai orang yang berdusta". (Muslim, Sahih Muslim, Bab Qabh al-Kazib wa Husn al-Sidq wa Fadlih)

Dalam kaedah fiqah ada menyatakan, *al-Fitar al-Salimah la Tattaifiq ma' al-Kazib* atau fitrah manusia tidak sesuai dengan pembohongan. Kaedah ini menjelaskan, pendustaan tidak secukup dengan fitrah manusia alam apa jua perkara khususnya dalam hal agama. Hal ini disebabkan berdusta menafikan fitrah manusiawi tersebut. Orang yang berdusta bermakna ada sesuatu yang tidak kena dalam fitrahnya (Burnu 1997).

Walaupun Islam mengharamkan perbuatan berbohong, namun ada tiga keadaan yang diharuskan untuk berbohong. Hal ini dinyatakan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Asma' bint Yazid bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَحِلُّ الْكَذِبُ إِلَّا فِي ثَلَاثٍ : يُحَدِّثُ الرَّجُلُ امْرَأَتَهُ لِيَرْضَاهَا ، وَالْكَذِبُ فِي
الْحَرْبِ ، وَالْكَذِبُ لِيُصْلِحَ بَيْنَ النَّاسِ

Maksudnya: "Tidak dibenarkan berbohong melainkan dalam tiga keadaan, iaitu suami membohongi isterinya untuk menambahkan perasaan kasih, pembohongan dalam peperangan dan pembohongan untuk mendamaikan antara manusia". (Tirmizi , Sunan Tirmizi, Bab Ma Ja'a fi Islah Zat al-Bayn, jilid 3:395)

Antara perbuatan yang termasuk dalam kejujuran adalah dengan cara memberikan sijil pemeriksaan kesihatan dan sijil vaksinasi COVID-19. Perbuatan memalsukan sijil yang menunjukkan pemegangnya sudah menerima dos vaksin yang lengkap sedangkan realitinya dia gagal berbuat demikian, termasuk dalam perbuatan dusta yang diharamkan oleh Allah SWT. Hal ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Bakrah Nafi' bin al-Harith:

أَلَا أُنبِئُكُمْ بِكَبِيرِ الْكِبَائِرِ؟ قُلْنَا: بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَالَ: الْإِشْرَاكُ بِاللَّهِ، وَعُقُوقُ
الْوَالِدَيْنِ، وَكَانَ مُتَكَيِّمًا فَجَلَسَ فَقَالَ: أَلَا وَقَوْلُ الزُّورِ، وَشَهَادَةُ الزُّورِ، أَلَا وَقَوْلُ
الزُّورِ، وَشَهَادَةُ الزُّورِ فَمَا زَالَ يَقُولُهَا، حَتَّى قُلْتُ: لَا يَسْكُتُ.

Maksudnya: “Mahukah aku sampaikan kepada kamu dosa-dosa besar yang paling berat? Para sahabat menjawab “Ya, wahai Rasulullah.” Baginda bersabda: Menyekutukan Allah dan menderhakai ibu bapa. Baginda yang berada dalam keadaan bersandar terus duduk lalu bersabda: Ingatlah kata-kata yang dusta dan penyaksian secara dusta. Baginda terus mengulangnya sampai aku berasa kasihan kepada Baginda.” (Bukhari, Sahih al-Bukhari)

Perbuatan memalsukan sijil vaksinasi boleh menyebabkan kesan yang negatif dalam masyarakat. Antaranya, penularan wabak dan mensia-siakan pengorbanan yang telah dilakukan oleh pihak yang berwajib. Pihak yang terlibat memberikan sijil vaksinasi kepada individu yang tidak memenuhi syarat vaksin pula dianggap bersubahat melakukan perbuatan dosa. Kesannya akan menjadi bertambah buruk sekiranya perbuatan pembelian sijil palsu ini melibatkan pemberian rasuah. Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah (5:2):

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

Maksudnya: “hendaklah kamu saling membantu dalam perkara kebaikan dan ketakwaan, dan janganlah kamu saling menolong dalam perkara dosa dan pencerobohan hak orang lain.”

Ayat ini menjelaskan bahawa setiap orang hendaklah menahan dirinya daripada perkara maksiat dan kezaliman. Dalam masa yang sama dia seharusnya membantu orang lain meninggalkan perbuatan maksiat tersebut (Sa'di 2000). Pemalsuan sijil vaksinasi juga tidak boleh dimasukkan dalam pembohongan yang dibenarkan kerana Rasulullah SAW telah mengehadkan tiga keadaan sahaja. Perbuatan berbohong, menipu, memperdaya dan memalsukan dokumen boleh menyebabkan merebaknya krisis kepercayaan dalam masyarakat. Apabila hilangnya perasaan saling mempercayai, masyarakat akan hidup dalam keadaan syak wasangka, takut dan tidak tenteram.

3.0 KESIMPULAN

Perbuatan memalsukan sijil vaksinasi adalah haram di sisi syarak dan menyalahi undang-undang negara. Jika jenayah ini tidak dibendung, pelbagai kemudaratan akan timbul seperti peningakatan penularan wabak dan gejala rasuah. Pihak yang terlibat dalam jenayah ini hendaklah segera bertaubat dan menyesali perbuatan yang telah dilakukan.

Sumbangan Pengarang

Osman, M. K., adalah pengarang tunggal yang terlibat secara menyeluruh dalam keseluruhan proses penerbitan artikel ini, bermula daripada pembangunan idea, pengumpulan dan analisis data, penulisan manuskrip, semakan literatur, sehingga kepada penyuntingan akhir sebelum penghantaran artikel kepada penerbit.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

Al-Quran

Bukhari, Muhammad Ismail. (2000). *Sahih Al-Bukhari. Muhamamd Zuhayr Nasir Al-Nasir (pnyt.)*. Beirut: Dār Ṭawq al-Najāh.

Burnu, Muhammad Sidqi Ahmad. (1997). *Mawsu'ah Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah*. Edisi ke-8. Beirut: Muassasah al-Risālah.

Ibn Kathīr, Ismā'īl 'Umar. (1998). *Tafsīr Al-Quran Al-'Azīm*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Kementerian Kesihatan Malaysia. (2021). Soalan Lazim Mengenai Vaksin Dan Imunisasi COVID-19. Bahagian Pendidikan Kesihatan.

Muslim, Muslim Ḥajjāj. (2006). *Saḥīḥ Muslim*. Riyadh: Dar Tibah.

Nawawī, Yahya Sharaf. (1994). *Al-Minhāj Sharḥ Saḥīḥ Muslim Bin Al-Ḥajjāj*. Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabiyy.

Ramli, I. (2021). Menuju era pengasingan golongan “divaksin” dan “tidak divaksin” (in bahasa malaysia). Institute of Advanced Islamic Studies. <https://iais.org.my/publications-sp-1447159098/dirasat-sp-1862130118/science-technology-environment-ethics/item/1367-menuju-era-pengasingan-golongan-divaksin-dan-tidak-divaksin-in-bahasa-malaysia> [30 January 2022].

Sa'di, Abdul Rahman Nasir. (2000). *Taysir Al-Karim Ar-Rahman*. Beirut: Muassasah al-Risālah.

Tirmizi, Muhammad Isa. (1988). *Sunan Al-Tirmizi*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.